

Wanita Malaysia dapat layanan sama rata

KUALA LUMPUR 6 Mac - Malaysia berjaya meyakinkan perwakilan yang menghadiri Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) Ke-69 di United Geneva, Switzerland baru-baru ini, bahawa wanita di negara ini mendapat layanan sama rata.

Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datin Dr. Norizan Abdul Razak berkata, sememangnya ada perwakilan membangkitkan isu diskriminasi wanita apabila memperkatakan mengenai amalan berkhatan dalam kalangan anak-anak perempuan Islam di negara ini.

Bagaimanapun, jawapan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Suriani Ahmad mengenai isu tersebut dan pembentangan mengenai hak-

hak wanita di negara ini diterima dengan baik oleh perwakilan dalam konvensyen pada 20 Februari lalu.

Beliau mengulas dakwaan Pengasas Sisters In Islam (SIS), Zainah Anwar yang menyatakan Malaysia dikecam dalam konvensyen itu kerana masih mengamalkan diskriminasi terhadap kaum wanita dan tidak mendapat layanan sama rata seperti kaum lelaki.

Norizan berkata, Malaysia juga berjaya membentangkan laporan berkala ketiga hingga lima untuk CEDAW dengan menyaksikan peningkatan berterusan kaum wanita di negara ini dalam menyertai pelbagai bidang pekerjaan dan perjawatan tinggi yang menunjukkan kaum tersebut tidak pernah atau menjadi mang-



**NORIZAN
ABDUL RAZAK**

sa diskriminasi dan eksploitasi.

"Dari segi pemeraksanaan dalam pendidikan misalnya, wanita negara kini lebih progresif dengan kadar literasi sebanyak 96.3 peratus, berbanding 97.2 peratus kaum lelaki bagi kumpulan umur 15-64 tahun.

"Bagi pemeraksanaan wanita dalam politik di Dewan Negara pula adalah sebanyak 22.4 peratus, Dewan Rakyat 19.8 peratus dengan jawatan menteri Kabinet sebanyak 8.6 peratus dan timbalan menteri, 17.6 peratus," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Norizan yang turut menghadiri konvensyen itu berkata, walaupun peratus kepemimpinan wanita dalam politik masih rendah, pelbagai usaha dijalankan untuk menambahkan calon dan usaha membimbing lebih ramai pemimpin pelapis juga giat dilakukan ketika ini.

